



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PELAKSANAAN PROJEK RINTIS FLEET CARD SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT (BARANGAN) MELALUI SKDS 2.0 BERMULA PADA 1 FEBRUARI 2024

SEPANG, 1 FEBRUARI 2024 – Hari ini saya hadir untuk meninjau pelaksanaan hari pertama Projek Rintis Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) bagi Sektor Pengangkutan Darat (Barangan).

Kerajaan telah merancang untuk melaksanakan penyasaran semula subsidi diesel pada suku kedua tahun 2024 yang bermaksud subsidi diesel tidak akan diberikan secara pukal di stesen-stesen minyak. Melalui inisiatif penyasaran semula subsidi diesel ini, Kerajaan pada dasarnya mempertimbangkan pemberian subsidi dengan kadar khas kepada Sektor Pengangkutan Darat bagi sub-sektor Awam dan sub-sektor Barangan melalui pelaksanaan SKDS 2.0.

Sehubungan itu, sebelum pelaksanaan penyasaran semula subsidi diesel ini yang tarikhnya akan ditentukan kelak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merintis usaha untuk menguji Sistem MySubsidi Diesel. Sistem MySubsidi Diesel akan diguna pakai bersama Sistem Fleet Card syarikat-syarikat minyak dalam pelaksanaan penyasaran subsidi kelak. Sejumlah enam syarikat perintis telah menerima Fleet Card melalui pilihan syarikat minyak masing-masing.

Senarai syarikat perintis adalah seperti berikut:

- i. Sim Yew Enterprise Sdn. Bhd.
- ii. Rantau Panjang Haulage Sdn. Bhd.
- iii. Mun Chuen Transport Sdn. Bhd.
- iv. Tan Swee Hee Sdn. Bhd.
- v. Multimodal Freight Sdn. Bhd.
- vi. Perceptive Logistics Sdn. Bhd.

Secara keseluruhan, sebanyak 3,792 stesen minyak terlibat dalam Projek Rintis SKDS 2.0 yang boleh digunakan oleh syarikat perintis bergantung kepada laluan kenderaan syarikat masing-masing di seluruh Semenanjung Malaysia.

Usaha rintis ini dijangka dapat memberi maklum balas dan analisis yang tepat kepada Kementerian dalam memperkemas mekanisme bagi penyasaran semula subsidi diesel. Selain itu, langkah awal ini juga dapat menguji keberkesanan Sistem MySubsidi Diesel dan juga sistem Fleet Card syarikat-syarikat minyak sebelum dilaksanakan kepada keseluruhan industri.

Mekanisme penggunaan Fleet Card ini adalah antara usaha Kerajaan untuk beralih daripada Sistem Analog Skid Tank kepada Fleet Card dalam memastikan subsidi secara bersasar dapat dilaksana secara bersepadu selain dapat memastikan kes ketirisan dan penyeludupan pada tahap yang paling minimum.

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan keperluan sebenar Sektor Pengangkutan Darat (Barangan) bagi membantu mengurangkan kesan kos pengangkutan agar tiada kenaikan kos berganda khususnya kepada harga barangan selain merangka pelan penyasaran semula subsidi yang cekap dan berkesan kepada semua golongan sasaran khususnya di bawah bidang kuasa KPDN.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup.

###